

**PENDEKATAN PENULISAN QIRA'AT PADA AYAT HUKUM
DALAM TURJUMAN AL-MUSTAFID KARYA
ABDUL RAUF AL-FANSURI**

Oleh:

Sukhairu Sulaiman¹
Abd Rahman Abd Ghani²

Corresponding Author: email: sukhairu_dq@yahoo.com

Abstrak

Penulisan ilmu Qira'at di dalam karya tafsir turut dihasilkan oleh ulama tafsir dari Nusantara di dalam kitab mereka. Kebanyakan karya tafsir yang ada di Nusantara menghuraikan maksud dari ayat al-Quran dan perkara-perkara lain yang berkaitan tanpa menghuraikan elemen ilmu Qira'at yang wujud pada ayat tersebut. Justeru kajian ini akan menganalisis beberapa pendekatan yang digunakan oleh Abdul Rauf al-Fansuri yang mengisyaratkan kewujudan Qira'at di dalam Tafsir Turjuman al-Mustafid pada ayat-ayat hukum. Kajian yang bersifat kualitatif ini mendapati sebanyak empat (4) pendekatan telah diaplikasi oleh Abdul Rauf al-Fansuri yang mengisyaratkan kewujudan

¹ Pegawai Hal Ehwal Islam, Darul Quran JAKIM, Kuala Kubu Bharu, Selangor.

² Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak.

Qira'at di dalam Turjuman al-Mustafid pada ayat hukum yang berkaitan akidah, akhlak dan fiqh iaitu "faedah", "bayan", "ada pun" dan "dan ada pun". Kajian ini menunjukkan bahawa ulama Nusantara adalah setanding dengan ulama-ulama lain dari Timur Tengah yang membincangkan ilmu Qira'at di dalam karya mereka dengan kaedah yang tersendiri.

Kata kunci: *Qira'at, ayat-ayat hukum, Turjuman al-Mustafid, Abdul Rauf al-Fansuri, Tafsir Nusantara*

Pendahuluan

Penurunan al-Quran bukanlah dengan hanya satu bentuk bacaan sahaja bahkan dengan beberapa versi bacaan yang disebut sebagai al-Qira'at. Al-Qira'at merupakan ilmu yang berkaitan dengan penuturan kalimah-kalimah dari al-Quran sama ada secara *takhfif* atau *tashdid* serta perbezaan huruf pada lafaz-lafaz wahyu yang berlaku dalam kalangan *qurra'*.³ Qira'at adalah warisan daripada Nabi Muhammad SAW mengenai seni bacaan al-Quran yang mengandungi persamaan dan perbezaan dalam menuturkan lafaz-lafaz al-Quran. Manakala al-Quran adalah wahyu daripada Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui Malaikat Jibril AS. Oleh demikian itu, perbezaan dan persamaan bacaan yang sahih dalam ilmu Qira'at adalah wahyu dari Allah SWT jua. Firman Allah SWT;

³ Salim Muhaysin (1993), Muhammad, *al-Mughni fi Tawjih al-Qira'at al-'Ashar al-Mutawatirah*, j.1, c. 3, Beirut: Dar al-Jil, h. 45.

﴿يُنزِلُ الْمَلَائِكَةُ بِالرُّوحِ مِنْ أَمْرِهِ عَلَى مَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ أَنْ
أُنذِرُوا أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاتَّقُونِ﴾

Maksudnya:

“Dia menurunkan malaikat membawa wahyu dengan perintahNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya dari hamba-hambaNya (yang layak menjadi Rasul); (lalu ia berfirman kepada Rasul-rasul): "Hendaklah kamu menegaskan kepada umat manusia bahawa tiada Tuhan melainkan Aku. Oleh itu, bertaqwalah kamu kepadaKu".⁴

Surah al-Nahl (16:2)

Tradisi penulisan ilmu Qira'at di dalam karya tafsir bukanlah satu perkara yang baru kerana tradisi ini telah dipraktikkan di dalam karya-karya tafsir klasik seperti tafsir al-Tabari, al-Zamakhshyari dan Fakhr al-Razi di dalam menghuraikan maksud sesebuah ayat al-Quran. Penulisan Qira'at didapati turut ditulis oleh beberapa orang ulama dari Nusantara di dalam karya tafsir mereka termasuklah tafsir *Turjuman al-Mustafid* oleh Abdul Rauf al-Fansuri.

⁴ Sheikh Abdullah Basmeih (2013), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran (30) Juz*, Kuala Lumpur: Darul Fikir, h. 629.

Objektif Kajian

Kajian ini dibuat untuk mencapai objektif berikut:

1. Memperkenalkan karya tafsir terawal di Nusantara yang lengkap 30 juz al-Quran yang mengandungi elemen Qira'at.
2. Menganalisis pendekatan penulisan Qira'at pada ayat-ayat hukum dalam *Turjuman al-Mustafid*.

Metodologi Kajian

Kajian yang dihasilkan merupakan satu penyelidikan kualitatif yang menggunakan kaedah kepustakaan sepenuhnya. Kajian dilakukan dengan menganalisis kandungan teks, dokumen, bahan bacaan di perpustakaan atau gedung bacaan lain termasuk bahan bacaan atas talian (*on line*) untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan tajuk kajian. Maklumat yang diperolehi kemudiannya akan dianalisis secara deduktif, induktif dan komparatif bagi mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Kajian dilakukan dengan menganalisis data-data dan maklumat mengenai penulisan Qira'at dalam tafsir *Turjuman al-Mustafid* daripada penulisan sarjana yang lepas dan juga beberapa penulisan dari artikel ilmiah yang berkaitan. Kaedah seterusnya dilakukan dengan menganalisis pendekatan penulisan Qira'at pada ayat hukum yang terdapat dalam tafsir *Turjuman al-Mustafid* dari sudut terminologi yang digunakan dalam perbahasan tersebut.

Oleh itu artikel ini ditulis adalah untuk menganalisis pendekatan yang digunakan oleh Abdul Rauf al-Fansuri dalam penulisan Qira'at pada ayat hukum yang menggunakan beberapa terminologi di dalam tafsir *Turjuman al-Mustafid*.

Sejarah Penulisan Karya

Karya tafsir *Turjuman al-Mustafid* merupakan sebuah karya tafsir yang ditulis oleh Abdul Rauf al-Fansuri pada tahun 1917M. Menurut Zulkifli Mohd. Yusoff dan Wan Nasyrudin Wan Abdullah (2005) *Turjuman al-Mustafid* bermaksud Penunjuk Bagi Peraih Faedah Ilmu.⁵ Karya ini merupakan karya tafsir pertama yang lengkap 30 juz di Nusantara. Sungguhpun telah muncul beberapa karya tafsir sebelumnya seperti Tafsir Surah al-Kahfi oleh Hamzah Fansuri dan Syamsuddin al-Sumatrani, namun masih belum ada lagi karya tafsir yang lengkap sepertimana tafsir *Turjuman al-Mustafid*.⁶

Terdapat beberapa versi judul bagi karya ini lantaran disebabkan oleh kekeliruan yang timbul mengenai keaslian karya ini samada ianya merupakan karya asli Abdul Rauf al-Fansuri ataupun ianya merupakan terjemahan dari beberapa kitab tafsir lain yang telah wujud sebelumnya.

⁵ Zulkifli Mohd Yusoff & Wan Nasyrudin Wan Abdullah (2005), *Tarjuman al-Mustafid: Satu Analisa Terhadap Karya Terjemahan*, Jurnal Pengajian Melayu, j.16, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 157.

⁶ Musyrifah Sunanto (2015), *Sejarah Peradaban Islam Indonesia*, Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, h. 289.

Perbezaan judul pada karya ini juga disebabkan oleh perbezaan tempat cetakan karya ini dilakukan. Sebahagian sarjana seperti Zulkifli Mohd Yusoff dan Wan Nasyrudin Wan Abdullah (2005) yang memetik laporan dari Hurgronje, Rinkes dan Vorhoeve berpendapat bahawa *Turjuman al-Mustafid* adalah terjemahan daripada *Tafsir al-Baydawi* menyebabkan karya ini turut dikenali sebagai terjemahan *Tafsir al-Baydawi*, bahkan terdapat cetakan lain untuk karya *Turjuman al-Mustafid* yang secara jelas menggunakan judul *Tafsir Anwar al-Baydawi Bahasa Melayu* yang dicetak oleh Nahdi Trading, Pulau Pinang pada tahun 1961.⁷

Selain itu karya *Tafsir Turjuman al-Mustafid* turut dikenali dengan judul *Turjuman al-Mustafid Terjemahan Tafsir al-Baydawi* sepertimana yang dicetak oleh Khazanah Fathaniyah Kuala Lumpur pada tahun 2014,⁸ malah beberapa cetakan lain menggunakan judul *al-Tarjamah al-Jawiyyah Li al-Tafsir al-Musamma Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil Li al-Imam al-Qadi al-Baydawi*. Karya ini dicetak di Maktabah Sulayman al-Maraghi pada tahun 1951 manakala karya yang dikenali dengan judul *Tafsir al-Baydawi* dicetak di Pustaka Nasional, Singapura pada tahun yang sama.⁹ Ringkasnya perbezaan judul bagi

⁷ Zulkifli Mohd Yusoff & Wan Nasyrudin Wan Abdullah (2005), *op.cit.* h. 159.

⁸ Abdul Rauf al-Fansuri (2014), *Turjuman al-Mustafid*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.

⁹ Zulkifli Mohd Yusoff & Wan Nasyrudin Wan Abdullah (2005), *op.cit.* h. 156.

karya ini adalah disebabkan oleh dua perkara iaitu keaslian karya dan tempat cetakan karya tersebut.

Kemunculan karya tafsir ini di negeri Aceh disambut baik oleh penduduk setempat yang dahagakan ilmu pengetahuan rentetan bermacam kekeliruan yang berlaku terhadap masyarakat dalam perkara yang berkaitan dengan urusan agama Islam. Menurut Arivaei Rahman (2018) semasa Abdul Rauf al-Fansuri menjawat jawatan sebagai qadi, terdapat beberapa aliran pemikiran dalam kalangan masyarakat yang cenderung ke arah aliran *sufi* dan aliran syariah. Bahkan terdapat beberapa qadi sebelum beliau seperti Hamzah Fansuri (w. 1600M), Syamsuddin al-Sumatrani (w. 1630H) dan Saif al-Rijal (w. 1658M) berusaha menyebarkan ajaran *al-wujudiyah* sebagaimana yang dianuti oleh al-Hallaj (w. 922M). Namun ajaran tersebut mendapat tentangan yang hebat dari qadi Nuruddin al-Raniri (w.1658M) bahkan beliau menghukum sesat ajaran tersebut dan menghalalkan darah penganutnya.¹⁰ Namun demikian tidak dapat dipastikan dengan tepat apakah faktor lain yang mendorong Abdul Rauf al-Fansuri menghasilkan karya *Turjuman al-Mustafid* ini. Dengan adanya karya ini, masyarakat Islam khususnya di Nusantara lebih memahami isi

¹⁰ Arivaei Rahman (2018), *Tafsir Turjuman al-Mustafid Karya 'Abd Rauf al-Fansuri: Diskursus Biografi, Kontestasi Politik-Teologis dan Metodologi Tafsir*, MIQOT, Vol. XLII, no.1, Januari-Juni 2018, Indonesia: UIN Sunan Kalijaga, h. 2.

kandungan al-Quran yang ditulis dengan bahasa Melayu berbanding karya-karya lain yang menggunakan bahasa Arab.

Biodata Pengarang

Turjuman al-Mustafid merupakan sebuah karya tafsir karangan Abdul Rauf al-Fansuri. Beliau dilahirkan pada tahun 1592M/1001H.¹¹ Ada pendapat lain menyatakan beliau dilahirkan pada 1615M/1024H di sebuah desa bernama Barus di dalam daerah Singkel yang terletak di Aceh Selatan dan meninggal pada tahun 1693M dan dikebumikan di Kuala Krueng Aceh, Banda Aceh.¹² Pelbagai versi nama telah ditulis oleh beberapa sarjana yang merujuk kepada Abdul Rauf al-Fansuri. Penelitian di dalam artikel yang bertajuk *Turjuman al-Mustafid: Satu Analisa Terhadap Karya Terjemahan* menulis dengan nama Syeikh Abdul Rauf al-Singkeli yang kemudiannya hanya menulis dengan nama Syeikh Abdul Rauf bagi keterangan seterusnya.¹³ Menurut Ahmad Baha' bin Mokhtar & Muhammad Lukman bin Ibrahim di dalam artikel yang bertajuk *Ikhtilaf Qira'at Kitab Turjuman al-Mustafid Oleh Syeikh Abd Rauf al-Fansuri: Satu Sorotan* menulis dengan nama Syeikh Abdul al-Rauf al-Fansuri yang kemudiannya menggunakan beberapa gelaran

¹¹ Wan Mohd. Saghir Abdullah (1995), *Fikrah Wawasan Tokoh Dunia Melayu Dalam Majalah Dewan Budaya, Dakwah, al-Islam dan Kiblat 1989-1995*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, h.169.

¹² Mazlan Ibrahim, Jawiah Dakir & Muhd Najib Abdul Kadir (2013), *Pengenalan Tokoh-Tokoh dan Kitab Tafsir Melayu Ulama Nusantara*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h.16.

¹³ Zulkifli Mohd Yusoff & Wan Nasyrudin Wan Abdullah (2005), *op.cit.* h. 157-158.

seperti al-Fansuri dan Abd Rauf bagi keterangan berikutnya.¹⁴ Manakala Peter Riddell di dalam buku *Islam and the Malay-Indonesian World* menulis dengan nama ‘Abd al-Ra’uf b. Ali al-Fansuri al-Singkili yang kemudiannya hanya menggunakan gelaran ‘Abd al-Ra’uf bagi keterangan berikutnya.¹⁵

Wan Mohd Shaghir Abdullah di dalam Majalah Dakwah keluaran Ogos 1993 telah menulis dengan nama Syeikh Abdur Rauf bin Ali al-Fansuri. Beliau dilihat konsisten menggunakan nama ini pada keterangan berikutnya di dalam artikel tersebut.¹⁶ Musyrifah Sunanto di dalam buku *Sejarah Peradaban Islam Indonesia* menulis dengan nama Abd. Rauf al-Singkili yang kemudiannya hanya menggunakan gelaran al-Singkili bagi keterangan berikutnya.¹⁷ Mazlan Ibrahim, Jawiah Dakir dan Muhd Najib Abdul Kadir di dalam buku *Pengenalan Tokoh-tokoh dan Kitab-kitab Melayu Ulama Nusantara* menulis dengan nama Syeikh Abdul Rauf bin Ali al-Jawi al-Fansuri al-Singkili yang kemudiannya menyebut dengan Syeikh Abdul Rauf bagi keterangan seterusnya.¹⁸

¹⁴ Ahmad Baha’ Mokhtar & Muhammad Lukman Ibrahim (2012), *Ikhtilaf Qiraat Kitab Turjuman Al-Mustafid Oleh Syeikh Abd Rauf Al-Fansuri: Satu Sorotan*, International Journal on Quranic Research, Vol. (2), No.2, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 110-111.

¹⁵ Riddell. Peter G (2001), *Islam and the Malay-Indonesian World*, Singapore, Horizon Books, h. 161.

¹⁶ Wan Mohd. Saghir Abdullah (1993), *op. cit.* h. 171.

¹⁷ Musyrifah Sunanto (2015), *op.cit.* h. 289-290.

¹⁸ Mazlan Ibrahim, Jawiah Dakir & Muhd Najib Abdul Kadir (2013), *op. cit.* h. 15-17.

Ringkasnya terdapat dua gelaran nasab yang sering dikemukakan oleh para sarjana di dalam kajian mereka mengenai Abd. Rauf iaitu samada al-Fansuri yang dinasabkan kepada nama keluarga beliau atau al-Singkeli yang dinasabkan kepada daerah kelahiran beliau.¹⁹ Namun terdapat juga dalam kalangan sarjana menggunakan kedua-dua gelaran nasab tersebut secara serentak seperti Mazlan Ibrahim, Jawiah Dakir dan Muhd Najib Abdul Kadir yang menulis dengan gelaran nasab al-Fansuri al-Singkeli di hujung nama Abd. Rauf.²⁰

Wan Mohd Shaghir Abdullah di dalam Majalah Dakwah keluaran Ogos 1993 telah membahaskan mengenai gelaran nasab pada nama Syeikh Abdul Rauf samada al-Fansuri ataupun al-Singkeli. Gelaran nasab sering dikaitkan dengan keturunan atau tempat lahir seseorang. Menurut beliau beberapa sarjana seperti Dada Meuraxa, Ir. Mangaraja Onggang Parlindungan dan Abdullah Abbas Nasution mendakwa terdapat dua orang ulama yang mempunyai nama yang sama iaitu Abdul Rauf al-Fansuri yang berasal dari Singkel dan Abdul Rauf al-Fansuri yang berasal dari Barus.²¹ Pendapat ini berbeza dengan apa yang ditulis oleh Mazlan Ibrahim, Jawiah Dakir dan Muhd Najib Abdul Kadir yang menyatakan bahawa al-Singkeli adalah merujuk kepada nama daerah di bahagian Aceh Selatan manakala al-Fansuri adalah

¹⁹ Wan Mohd. Saghira Abdullah (1993), *op.cit.*, h. 169.

²⁰ Mazlan Ibrahim, Jawiah Dakir & Muhd Najib Abdul Kadir (2013), *op. cit.*, h. 15.

²¹ Wan Mohd. Saghira Abdullah (1993), *op.cit.*, h. 169.

merujuk kepada desa kelahiran Abdul Rauf iaitu Barus yang terletak di dalam daerah Singkel.²² Kenyataan ini menunjukkan bahawa gelaran al-Fansuri dan al-Singkeli adalah merujuk kepada orang yang sama.

Menurut Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1993) penambahan gelaran nasab al-Singkeli di hujung nama Abdul Rauf tidak wajar digunakan kerana penelitian beliau terhadap beberapa manuskrip karangan Abdul Rauf al-Fansuri tidak ditemui gelaran nasab al-Singkeli pada manuskrip tersebut, yang ditemui hanyalah gelaran nasab al-Fansuri.²³

Kajian ini mendapati gelaran al-Fansuri adalah diambil dari nama keluarga bapanya (اسم العائلة) iaitu Ali al-Fansuri dan bukanlah merujuk kepada desa kelahirannya iaitu Barus sebagaimana yang didakwa oleh beberapa sarjana. Amat sukar untuk dikaitkan gelaran al-Fansuri dengan desa Barus berbanding dengan gelaran al-Singkeli yang dikaitkan dengan daerah Singkel.

Menurut Arivaie Rahman (2018), Abdul Rauf al-Fansuri mula mendapat pendidikan awal dari ayahnya sendiri dan kemudiannya menuntut dari beberapa ulama Fansur dan Banda Aceh. Beliau seterusnya menyambung pengajian di Timur Tengah seperti Doha,

²² Mazlan Ibrahim, Jawiah Dakir & Muhd Najib Abdul Kadir (2013), *op. cit.*, h. 15.

²³ Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1993), *op.cit.*, h. 169.

Qatar, Yaman, Jeddah dan akhirnya beliau ke Makkah dan Madinah sambil menunaikan ibadah haji di sana. Tempoh permusafiran Abdul Rauf al-Fansuri memakan masa selama 19 tahun. Catatan beliau sendiri di dalam *Umdah al-Muhtajin ila Suluk Maslak al-Mufridin* menyatakan di dalam tempoh tersebut beliau sempat berguru dengan 19 orang guru dalam pelbagai disiplin ilmu antaranya Ahmad Qusyasyi (w. 1661 M) dan murid beliau Ibrahim al-Kurani (w. 1690 M).²⁴

Menurut Arvaie Rahman (2018) yang menukikan catatan dari Azyumardi Azra, Voorheove dan Hasjimi menyatakan sebanyak 22 karya telah dihasilkan oleh Abdul Rauf al-Fansuri manakala menurut Oman Faturrahman karya yang dihasilkan oleh Abdul Rauf al-Fansuri tidak kurang dari 36 karya yang meliputi pelbagai bidang disiplin ilmu seperti tafsir, hadis, tasawwuf dan fekah. Malah karya beliau dalam bidang tafsir iaitu Tafsir *Turjuman al-Mustafid* merupakan karya tafsir pertama di dalam bahasa tempatan dan telah mendapat sambutan yang meluas di beberapa tempat seperti Istanbul, Singapura, Pulau Pinang dan Jakarta bahkan karya ini pernah ditemui di kawasan penempatan Melayu di Afrika Selatan.²⁵

²⁴ Arvaie Rahman (2018), op.cit. hlm. 5

²⁵ *Ibid.* h. 6

Analisis Dapatan Dan Perbincangan

Menurut Ahmad Baha' Mokhtar & Muhammad Lukman Ibrahim (2012) karya tafsir *Turjuman al-Mustafid* merupakan karya tafsir Nusantara pertama yang menggabungkan huraian ayat-ayat al-Quran dan ilmu Qira'at.²⁶ Huraian ilmu Qira'at pada ayat hukum dalam karya *Turjuman al-Mustafid* dimulakan pada ayat keempat dari surah al-Fatihah dan berakhir pada ayat keenam surah al-Muzzammil. Terdapat empat terminologi pendekatan penulisan Qira'at atau isyarat yang digunakan bagi menentukan kehadiran Qira'at pada ayat hukum di dalam *Turjuman al-Mustafid* iaitu:

i) Terminologi “faedah”

Huraian mengenai Qira'at di dalam pentafsiran sesebuah ayat al-Quran dimulakan dengan perkataan “faedah” yang diletakkan di antara dua kurungan (). Kajian oleh Ahmad Baha' Mokhtar dan Muhammad Lukman Ibrahim menyatakan bahawa tujuan meletakkan perkataan “faedah” di dalam kurungan adalah bertujuan untuk memisahkan huraian tafsir dengan huraian ilmu Qira'at dan seterusnya memudahkan pembaca untuk membezakan di antara huraian tafsir dan huraian ilmu Qira'at tersebut.²⁷ Firman Allah SWT,²⁸

²⁶ Ahmad Baha' Mokhtar & Muhammad Lukman Ibrahim (2012), *op.cit.* h. 110

²⁷ Ahmad Baha' Mokhtar & Muhammad Lukman Ibrahim (2012), *op.cit.*, h. 115

²⁸ Surah al-Fatihah (1:4)

﴿مَلِكٌ يَوْمَ الدِّينِ﴾

Abdul Rauf al-Fansuri menyatakan:

“Raja yang memerintahkan pada hari kiamat (**faedah**) pada menyatakan ikhtilaf antara segala qari yang tiga pada membaca ملك maka Abu ‘Amru dan Nafi’ *ittifaq* keduanya atas membaca ملك dengan tiada alif dan Hafs dengan alif...”²⁹

Penggunaan terminologi “faedah” yang memisahkan huraian tafsir dengan huraian ilmu Qira’at turut digunakan pada ayat 173, 184, 219, 233, 236 (al-Baqarah), ayat 1, 94 (al-Nisa’), ayat 2 (al-Ma’idah). Namun begitu, kajian ini mendapati penggunaan “faedah” ini tidak hanya merujuk kepada keterangan untuk huraian khilaf Qira’at sahaja sebagaimana yang dinyatakan pada kajian di atas. Perkataan “faedah” adakalanya digunakan untuk menerangkan maksud sesuatu perkataan, firman Allah SWT,³⁰

﴿وَأَنْ تَسْتَقْسِمُوا بِالْأَزْلَمِ...﴾

Abdul Rauf al-Fansuri menyatakan:

“ (**faedah**) adapun *azlam* itu iaitu segala anak panah yang tiada berbulu...”³¹

²⁹ Abdul Rauf al-Fansuri (2014), *op.cit.*, h. 2.

³⁰ Surah al-Ma’idah (5:3)

³¹ Abdul Rauf al-Fansuri (2014), *op.cit.*, h. 108.

Abdul Rauf al-Fansuri telah menggunakan perkataan “faedah” bagi memisahkan huraian ayat al-Quran dengan keterangan maksud perkataan “*azlam*” sebagaimana yang terdapat di dalam ayat tersebut. Perkataan “faedah” juga digunakan bagi menerangkan khilaf pendapat beberapa ahli tafsir mengenai sesebuah ayat, contoh pada firman Allah SWT;³²

﴿وَالَّذِينَ عَقَدَتْ أَيْمَنُكُمْ فَآتَوْهُمْ نَصِيحَتَهُمْ إِنْ اللَّهُ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدًا﴾

Abdul Rauf al-Fansuri menyatakan:

“bermula segala mereka itu yang bersumpah setia dengan kamu atas bertolong-tolong dan berwaris-warisan pada masa jahiliyah itu maka beri oleh kamu akan mereka itu sekarang bahagian mereka itu iaitu satu sudut bahawasanya adalah Allah Ta’ala atas tiap-tiap sesuatu itu amat tahu (**faedah**) pada menyatakan ikhtilaf ahli tafsir pada ayat ini maka setengah daripada mereka itu mengatakan bahawa adalah pekerjaan ini dikerjakan pada yang pertama Islam...”³³

Kesimpulannya, perkataan “faedah” yang diletakkan di dalam tanda bacaan dua kurungan tidak hanya memisahkan di antara huraian tafsir dengan khilaf Qira’at sahaja, bahkan juga sebagai pemisah di antara huraian ayat dengan keterangan tambahan seperti keterangan

³² Surah al-Nisa’ (4:33)

³³ Abdul Rauf al-Fansuri (2014), *op.cit.*, h. 84.

mengenai maksud sesuatu perkataan, pendapat lain dari kalangan ahli tafsir dan keterangan dari sumber yang berlainan.

ii) Terminologi “bayan”

Selain penggunaan terminologi “faedah” untuk memisahkan huraian ayat dengan khilaf Qira’at, terminologi “bayan” turut digunakan untuk tujuan yang sama walaupun kekerapan penggunaannya tidaklah sebanyak perkataan “faedah”, contoh pada firman Allah SWT;³⁴

﴿يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنَ اَقِمِ الصَّلٰوةَ وَاْمُرْ بِالْمَعْرُوْفِ وَاَنْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَاَصْبِرْ عَلٰى
مَا اَصَابَكَ﴾

Abd. al-Rauf Fansuri menyatakan:

“(bayan) ikhtilaf antara segala qari yang tiga pada membaca وهو maka telah lalulah kenyataannya dan pada membaca يٰۤاَيُّهَا tiga tempat yang telah lalu itu...”³⁵

Abdul Rauf al-Fansuri menjelaskan bahawa isyarat “bayan” digunakan bagi menyatakan kehadiran khilaf Qira’at pada perkataan وهو pada ayat yang ke-13 sebelumnya dan pada perkataan يٰۤاَيُّهَا dalam ayat di atas. Ungkapan “bayan” yang memisahkan huraian ayat dengan khilaf Qira’at turut digunakan pada ayat 4 (surah Muhammad) dan ayat 10 (surah al-Mumtahanah).

³⁴ Surah Luqman (31:17)

³⁵ Abdul Rauf al-Fansuri (2014), *op.cit.*, h. 121.

iii & iv) Terminologi “ada pun”, “dan ada pun”

Perkataan “*ada pun*” dan “*dan ada pun*” turut digunakan bagi keterangan mengenai Qira’at. Namun kedua-dua perkataan ini digunakan di dalam ayat yang mengandungi beberapa perkataan yang melibatkan khilaf Qira’at untuk mengasingkan perkataan dan khilaf oleh setiap imam, contoh pada firman Allah SWT;³⁶

﴿وَالَّذِينَ يَرْمُونَ أَزْوَاجَهُمْ وَلَمْ يَكُن لَّهُمْ شُهَدَاءُ إِلَّا أَنْفُسُهُمْ فَشَهَدَةُ
أَحَدِهِمْ أَرْبَعٌ شَهَدَاتٌ بِاللَّهِ إِنَّهُ لَمِنَ الصَّادِقِينَ ٦ وَالْخَمْسَةَ أَنْ
لَعْنَتُ اللَّهِ عَلَيْهِ إِنْ كَانَ مِنَ الْكَاذِبِينَ ٧ وَيَدْرُؤُا عَنْهَا الْعَذَابَ أَنْ
تَشْهَدَ أَرْبَعٌ شَهَدَاتٌ بِاللَّهِ إِنَّهُ لَمِنَ الْكَاذِبِينَ ٨ وَالْخَمْسَةَ أَنْ غَضِبَ
اللَّهُ عَلَيْهَا إِنْ كَانَ مِنَ الصَّادِقِينَ ٩﴾

Abdul Rauf al-Fansuri menyatakan:

“(faedah) pada menyatakan ikhtilaf antara segala qari yang tiga pada membaca *إلا شهداء* dan *شهادات* dan *أن أربع* dan *أن غضب الله عليها* dan *والخامسة* yang akhir dan *عليها* pada yang telah lalu itu (*ada pun*) *إلا شهداء* itu maka Qalun dan Duri *ittifaq* keduanya atas men-*tahqiq* hamzah yang pertama dan *ibdalkan* hamzah yang keduanya dengan *waw* yang *maksur* pada tatkala *wasal* dan Hafs men-*tahqiqkan* keduanya (*dan ada pun*) *شهادات* *أربع* itu maka Nafi’ dan Abu ‘Amr *ittifaq* keduanya atas membaca dia dengan *fathah ‘ain* dan Hafs membaca dia *أربع* dengan *dammah ‘ain*....³⁷

³⁶ surah al-Nur (24:6-9)

³⁷ Abdul Rauf al-Fansuri (2014), *op.cit.*, h. 59.

Terminologi “*ada pun*” dan “*dan ada pun*” yang menerangkan mengenai qira’at turut digunakan pada ayat 143, 197, 281 (surah al-Baqarah), ayat 24 (surah al-Nisa’), ayat 6 (surah al-Ma’idah), ayat 17 (surah al-Tawbah), ayat 6, 7, 9 (surah al-Nur), ayat 51, 52 (surah al-Ahzab), ayat 3, 11 (surah al-Mujadalah), ayat 3 (surah al-Talaq) dan ayat 6 (surah al-Muzzammil).

Dapatan Kajian

Jadual 1.0:

Terminologi pendekatan penulisan Qira’at pada Ayat Hukum dalam Turjuman al-Mustafid

Bil.	Surah: No. Ayat	Ayat	Terminologi
1	al-Fatihah: 4	ملك يوم الدين	faedah
2	al-Baqarah: 143	لرءوف رحيم	dan adapun
3	al-Baqarah: 173	فمن أضر	faedah
4	al-Baqarah: 184	فدية طعام مسكين	faedah
5	al-Baqarah: 197	فلا رفث	dan adapun
6	al-Baqarah :219	قل العفو	faedah
7	al-Baqarah: 233	لا تضار ولدة	faedah
8	al-Baqarah: 236	على الموسع قدره.	faedah

9	al-Baqarah: 281	يوما ترجعون فيه	dan adapun
10	al-Nisa': 1	تساءلون به	faedah
11	al-Nisa': 24	وأحل لكم	dan adapun
12	al-Nisa': 94	لمن ألقى إليكم السلم	faedah
13	al-Ma'idah: 2	أن صدوكم	faedah
14	al-Ma'idah: 6	وأرجلكم إلى الكعابين	adapun
15	al-Tawbah: 17	مسجد الله	dan adapun
16	al-Nur: 6	ولم يكن لهم شهداء	adapun
17	al-Nur: 6	أربع شهدت	dan adapun
18	al-Nur: 7	أن لعنت الله	dan adapun
19	al-Nur: 9	أن غضب الله	dan adapun
20	Luqman:17	بيني أقم الصلوة	bayan
21	al-Ahzab: 51	ترجي من تشاء منهم	adapun
22	al-Ahzab: 52	لا يحل لك النساء	dan adapun
23	Muhammad: 4	والذين قتلوا في سبيل الله	bayan
24	al-Mujadalah: 3	والذين يظهرون من نسائهم	adapun
25	al-Mujadalah:11	في المجلس	dan adapun
26	al-Mujadalah:11	أنشروا فأنشروا	dan adapun
27	al-Mumtahanah: 10	ولا تمسكوا بعصم الكوافر	bayan

28	al-Talaq: 3	إن الله بلغ أمره	dan adapun
29	al-Muzzammil: 6	هي أشد وطأ	dan adapun

Jadual di atas menunjukkan pendekatan penulisan Qira'at yang digunakan oleh Abdul Rauf al-Fansuri di dalam *Turjuman al-Mustafid* melalui beberapa terminologi sebagai isyarat kehadiran elemen Qira'at pada ayat hukum. Terdapat empat terminologi atau isyarat yang digunakan bagi menentukan kehadiran ilmu Qira'at pada ayat hukum di dalam *Turjuman al-Mustafid* iaitu “faedah”, “adapun”, “dan adapun” dan “bayan” dimana terminologi “faedah” didapati mendominasi hampir keseluruhan bilangan tempat pada ayat hukum di dalam *Turjuman al-Mustafid*. Terminologi “faedah” dan “bayan” digunakan sekiranya terdapat hanya satu perkataan sahaja huraian Qira'at dilakukan manakala terminologi “adapun” dan “dan adapun” digunakan sekiranya terdapat beberapa perkataan dan huraian Qira'at dilakukan. Ianya digunakan selepas terminologi “faedah” ataupun “bayan”.

KESIMPULAN

Pemerhatian pada karya tafsir yang dihasilkan oleh ulama Nusantara didapati mempunyai pendekatan penulisan Qira'at yang tersendiri dalam mengisyaratkan kehadiran khilaf Qira'at yang terdapat di dalam

sesebuah ayat al-Quran. Setiap karya mempunyai terminologi berbeza dalam mengisyaratkan kehadiran khilaf Qira'at pada sesuatu ayat.

Hasil dari analisis terhadap karya *Turjuman al-Mustafid* oleh Abdul Rauf al-Fansuri, kajian mendapati terdapat empat pendekatan penulisan Qira'at yang digunakan bagi mengisyaratkan kehadiran ilmu Qira'at pada ayat hukum iaitu “faedah”, “adapun”, “dan adapun” dan “bayan”. Terminologi “faedah” didapati mendominasi hampir keseluruhan bilangan tempat pada ayat hukum di dalam *Turjuman al-Mustafid*. Terminologi “faedah” dan “bayan” digunakan sekiranya terdapat hanya satu perkataan sahaja huraian Qira'at dilakukan manakala terminologi “adapun” dan “dan adapun” digunakan sekiranya terdapat beberapa perkataan dan huraian Qira'at dilakukan. Selain itu terminologi “faedah” dan “bayan” ada kalanya digunakan untuk tujuan lain selain mengisyaratkan kehadiran khilaf Qira'at seperti menghuraikan pendapat ahli tafsir mengenai sesuatu perkara dan menggabungkan huraian *khilaf* Qira'at dengan pendapat ahli tafsir. Justeru, bagi mengenal pasti pendekatan-pendekatan lain yang digunakan dalam penulisan Qira'at dalam *Turjuman al-Mustafid*, adalah dicadangkan kajian lanjutan untuk menganalisis ayat-ayat lain selain tumpuan pada ayat-ayat hukum.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Abdul Rauf al-Fansuri (2014), *Turjuman al-Mustafid*, Kuala Lumpur, Khazanah Fathaniyah.

Ahmad Baha' Mokhtar & Muhammad Lukman Ibrahim (2012), *Ikhtilaf Qiraat Kitab Turjuman Al-Mustafid Oleh Syeikh Abd Rauf Al-Fansuri: Satu Sorotan*, International Journal on Quranic Research, Vol. (2), No.2, Kuala Lumpur, Universiti Malaya.

Arivaei Rahman (2018), *Tafsir Turjuman al-Mustafid Karya 'Abd Rauf al-Fansuri: Diskursus Biografi, Kontestasi Politis-Teologis dan Metodologi Tafsir*, MIQOT, Vol. XLII, no.1, Januari-Juni 2018, Indonesia, UIN Sunan Kalijaga.

Mazlan Ibrahim, Jawiah Dakir & Muhd Najib Abdul Kadir (2013), *Pengenalan Tokoh-Tokoh dan Kitab Tafsir Melayu Ulama Nusantara*, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Muhammad Qurayym Rajih (1994), *al-Qiraat al-'Ashar al-Mutawatirah*, Madinah, Dar al-Muhajir.

Salim Muhaysin (1993), Muhammad, *al- Mughni fi Tawjih al-Qira'at al-'Ashar al-Mutawatirah*, j.1, c. 3, Beirut: Dar al-Jil.

Musyrifah Sunanto (2015), *Sejarah Peradaban Islam Indonesia*, Jakarta, PT Raja Grafindo Persada.

Riddell. Peter G (2001), *Islam and the Malay-Indonesian World*, Singapore, Horizon Books.

Salim Muhaysin (1997), Muhammad, *al-Hadi Syarh Tayyibah al-Nashr fi al-Qira'at al-'Ashar wa al-Kasyf 'an 'Ilal al-Qira'at wa Tawjihaha*, Beirut, j.1, Dar al-Jil.

Sheikh Abdullah Basmeih (2013), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran (30) Juz*, Kuala Lumpur, Darul Fikir.

Wan Mohd. Saghir Abdullah (1995), *Fikrah Wawasan Tokoh Dunia Melayu Dalam Majalah Dewan Budaya, Dakwah, al-Islam dan Kiblat 1989-1995*, Kuala Lumpur, Khazanah Fathaniyah.

Zulkifli Mohd Yusoff & Wan Nasyrudin Wan Abdullah (2005), *Tarjuman al-Mustafid: Satu Analisa Terhadap Karya Terjemahan*, Jurnal Pengajian Melayu, j.16, Kuala Lumpur, Universiti Malaya.